

PERANAN MASJID DALAM MEMBERI KESEDARAN TERHADAP TREN KEBANKRAPAN DALAM KALANGAN BELIA DI MALAYSIA.

Siti Sarah Mohamad & Ahmad Yani Ismail

Fakulti Ekonomi, Perakaunan dan Pengurusan, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000,
Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author: Siti Sarah Mohamad Fakulti Ekonomi, Perakaunan dan Pengurusan,
Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Universiti
Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email:
Sarahmohamad1109@gmail.com.

Abstrak

Generasi muda Malaysia menghadapi masalah kebangkrapan yang sangat membimbangkan. Setiap tahun, fenomena ini menunjukkan trend peningkatan. Penyumbang utama kepada masalah ini adalah seperti pengurusan kewangan yang lemah, gaya hidup mewah dan kurang pengetahuan tentang kewangan Islam. Masjid boleh menjadi lebih proaktif dalam memberi kesedaran kepada belia dalam situasi ini. Masjid bukan sahaja tempat ibadat, ianya juga berfungsi sebagai tempat untuk meningkatkan pengetahuan, kesedaran moral, dan kesejahteraan umat. Selain daripada institusi kewangan, masjid dilihat sebagai satu lagi cara untuk menyebarkan kesedaran tentang trend kebangkrapan ini. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji peranan masjid dalam memberi kesedaran dan mendidik belia tentang kesan kebangkrapan dan pentingnya mempunyai literasi kewangan yang berasaskan nilai Islam. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk mengetahui sejauh mana Masjid mampu menjadi medium dalam menyampaikan mesej berkaitan pengurusan kewangan dan hutang secara berilmu dan beretika. Kajian ini menunjukkan bahawa masjid boleh berfungsi sebagai kaedah intervensi atau campur tangan yang berkesan untuk mengurangkan masalah kebangkrapan. Selain itu, masjid mampu mengukuhkan peranan mereka dalam mendidik dan memupuk kesedaran kewangan dalam kalangan generasi muda Muslim Malaysia.

***Kata Kunci :** Masjid, Belia, Bankrap & Pengurusan Kewangan*

Abstract

Indeed, the current trend among Malaysia's young generation facing a significant problem is one of personal bankruptcy, which has a growing rate over the years. It is due predominantly to lack of proper financial management, unsustainable lifestyle choices, and limited understanding of Islamic financial principles. Mosques should be taking a proactive approach to this, not only as places of worship but also as major social and educational institutions. In addition to formal financial institutions, mosques are also a practical medium for spreading awareness and responsibility of bankruptcy among youth and responsible behavior in finance beyond financial institutions through the means of publicity. The investigation focuses on how mosques may have influence over young people to increase awareness and education on the effects of bankruptcy, the importance of Islamic value-based financial literacy, and the consequences of bankruptcy. It is also examined how much mosques can be a platform to impart educated and ethical messages in regards to financial management and debt. Mosques have the potential to play a key role in strengthening financial literacy and financial awareness, which is also a significant and effective intervention mechanism in combating the looming threat of bankruptcy among Muslim youth in Malaysia.

Keywords: Mosque, Youth, Bankruptcy, Financial Management

Received: November 10, 2025

Accepted: December 03, 2025

Online Published: December 31, 2025

1. Pengenalan

Isu muflis seringkali dikaitkan keadaan kewangan yang semakin parah. Lebih parah lagi masalah kewangan yang membawa kepada kebangkrutan di usia muda. Kebankrutan dalam kalangan belia merupakan isu yang sangat membimbangkan. Tahun demi tahun masalah kebangkrutan ini hangat diperkatakan. Mengikut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat, Belia ditakrifkan sebagai golongan muda, sangat muda remaja dan pemuda pemudi. Oleh kerana itu, belia dianggap sebagai tunjang pembangunan sesebuah negara dan mereka perlu mempunyai daya saing serta semangat cintakan negara yang tinggi agar generasi akan datang dapat hidup dalam harmoni. Darah muda yang mampu membawa corak perubahan negara kearah yang lebih baik. Apabila belia sendiri diisytiharkan bankrap apa lagi yang boleh diharapkan oleh sesebuah negara.

Akta Kebankrutan 1967, menggariskan bahawa individu yang gagal membayar semula pinjaman yang dibuat melebihi RM 30,000.00 diisytiharkan muflis. Namun begitu, Akta Kebankrutan ini telah dipinda 2 kali iaitu tahun 2017 dan 2020. Pindaan 2017 adalah menyatakan seseorang individu diisytiharkan bankrap atau muflis apabila hutang terkumpul melebihi RM 50,000.00. Pada tahun 2020 Rang Undang-Undang Kebankrutan ini digubal semula dengan meningkatkan had kepada RM 100,000.00. Penggubalan ini dibuat bagi mengurangkan jumlah kes kebangkrutan di Malaysia (Akta 1624 Insolvensi, 2020)

Kebankrapan ini bukan sahaja dialami oleh rakyat biasa, namun ianya turut berlaku pada orang-orang ternama seperti golongan artis dan juga usahawan-usahawan muda. Contoh yang boleh diambil adalah seperti Datin Norjuma. Berdasarkan petisyen kebangkrapan pemiutang, Fame Up Entertainment memohon satu perintah kebangkrapan terhadap Datin Norjuma yang merupakan penghutang. Perintah ini dikeluarkan kerana beliau gagal membayar RM 260,400 .00 selepas diperintahkan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 12 Oktober 2021.

Jumlah kes kebangkrapan yang ditadbir sehingga daripada tahun 2021 sehingga Jun 2025 adalah sebanyak 26,060 kes. Data yang diperolehi daripada Jabatan Insolvensi Malaysia sehingga Jun 2025 menunjukkan bahawa 118 kes dicatatkan belia yang berusia 30 tahun ke bawah sudah diisytiharkan bankrap. Perkara ini sekali gus menggambarkan kelemahan pengurusan kewangan individu serta mencerminkan cabaran ekonomi yang sedang dihadapi oleh golongan tersebut.

Apabila berlakunya kes-kes kebangkrapan seperti ini, daripada satu sisi ianya mampu memberikan pelbagai kesan yang buruk dan mendalam dalam kehidupan individu tersebut. Tambahan pula, fenomena kebangkrapan sebegini merupakan satu isu yang semakin mendapat perhatian pada masa kini. Apabila kes-kes kebangkrapan ini berlaku ianya umpama cendawan yang tumbuh selepas hujan. Hal ini kerana, lambakan kepada kes kebangkrapan mampu memberi aspek yang negatif akan terjadi dalam kehidupan. Kesan tersebut bukannya bersifat sementara, namun meninggalkan implikasi jangka panjang terhadap individu yang terlibat. Perkara ini memberi kesan yang mendalam daripada sudut ekonomi dan sosial di Malaysia.

2. Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menilai peranan masjid sebagai agen kesedaran dan intervensi sosial dalam menangani tren kebangkrapan dalam kalangan belia di Malaysia melalui analisis kandungan khutbah Jumaat. Secara khusus, objektif kajian ini adalah:

1. Mengenal pasti sejauh mana isu kebangkrapan, hutang dan pengurusan kewangan Islam diketengahkan dalam kandungan khutbah Jumaat di masjid-masjid terpilih di Malaysia.
2. Menganalisis bentuk penekanan mesej khutbah berkaitan aspek kewangan, sama ada bersifat moral umum, normatif agama atau praktikal pengurusan kewangan.
3. Menilai keselarasan kandungan khutbah Jumaat dengan keperluan literasi kewangan Islam dalam kalangan belia Muslim di Malaysia.
4. Meneroka potensi masjid sebagai medium pendidikan dan intervensi sosial dalam meningkatkan kesedaran kewangan Islam bagi mencegah kebangkrapan belia.

3.0 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian di atas, kajian ini dirangka untuk menjawab soalan-soalan berikut:

- i. Apakah bentuk dan tahap perbincangan isu kebangkrapan, hutang dan pengurusan kewangan Islam yang terkandung dalam khutbah Jumaat di masjid-masjid terpilih di Malaysia?
- ii. Bagaimanakah mesej kewangan dalam khutbah Jumaat disampaikan, sama ada dalam bentuk peringatan moral umum atau panduan kewangan Islam yang lebih kontekstual dan praktikal?
- iii. Sejauh manakah kandungan khutbah Jumaat selari dengan realiti dan cabaran kewangan yang dihadapi oleh belia Muslim di Malaysia?
- iv. Apakah peranan yang berpotensi dimainkan oleh masjid sebagai institusi komuniti dalam membendung tren kebangkrapan belia melalui pendekatan pendidikan kewangan Islam?

4.0 Permasalahan Kajian

Fenomena kebangkrapan dalam kalangan belia semakin membimbangkan kerana ia mencerminkan ketidakupayaan golongan muda menguruskan kewangan dengan berkesan. Walaupun had hutang minimum untuk diisytiharkan bankrap telah dinaikkan, bilangan kes muflis masih meningkat dari tahun ke tahun.

Isu kebangkrapan di Malaysia semakin mendapat perhatian kerana jumlah kes yang direkodkan menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun. Walaupun pelbagai pindaan telah dilakukan terhadap Akta Kebankrapan 1967, termasuk menaikkan had hutang minimum daripada RM30,000 kepada RM100,000 melalui Akta Insolvensi 2020, masalah ini masih membelenggu rakyat Malaysia. Lebih membimbangkan, fenomena kebangkrapan kini mula melibatkan golongan belia, iaitu mereka yang berusia di bawah 30 tahun. Golongan ini sepatutnya menjadi tonggak pembangunan negara, namun statistik Jabatan Insolvensi Malaysia sehingga Jun 2025 menunjukkan bahawa 118 belia telah diisytiharkan muflis. Perkara ini mencerminkan satu cabaran besar terhadap kestabilan ekonomi dan sosial negara pada masa hadapan.

Kajian-kajian lepas tentang kebangkrapan di Malaysia lebih menumpukan kepada data umum tanpa memberi perhatian khusus kepada belia. Faktor literasi kewangan, gaya hidup, pengaruh rakan sebaya dan tekanan ekonomi masih kurang diteliti secara mendalam dalam kalangan generasi muda. Di samping itu, kebanyakan kajian hanya melihat kesan ekonomi semata-mata sedangkan implikasi psikologi dan sosial seperti tekanan emosi, stigma masyarakat, serta kesan terhadap kesejahteraan hidup jarang diberikan penekanan. Tambahan pula, selepas pindaan Akta Insolvensi 2020, masih kurang kajian empirikal yang menilai keberkesanan langkah ini terhadap belia yang berisiko muflis.

Dalam konteks masyarakat Islam di Malaysia, masjid sebagai pusat pembangunan umat mempunyai peranan penting dalam membimbing belia ke arah gaya hidup yang lebih

sederhana, beretika, dan bebas daripada beban hutang. Namun, peranan masjid dalam memberi pendidikan literasi kewangan Islam, bimbingan pengurusan hutang, serta sokongan kerohanian kepada golongan muda masih belum dimanfaatkan sepenuhnya. Begitu juga dengan institusi kewangan khususnya bank dan agensi kredit yang seharusnya menjadi rakan strategik dalam menyediakan program pendidikan kewangan, skim pinjaman patuh syariah yang lebih fleksibel, serta inisiatif pencegahan muflis. Walau bagaimanapun, usaha ini masih dilihat tidak menyeluruh atau kurang menjangkau belia di peringkat akar umbi.

Kelompokan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk meneroka peranan masjid dalam membendung tren kebangkrutan terhadap belia di Malaysia pada masa kini. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan kepada pembangunan dasar dan strategi bagi mengurangkan risiko kebangkrutan belia serta memperkukuh kedudukan mereka sebagai aset penting negara. Di samping itu, menjadikan masjid sebagai salah satu medium atau alat dalam usaha mengurangkan tren kebangkrutan terhadap belia.

5.0 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan bagi menilai peranan masjid dalam memberi kesedaran terhadap tren kebangkrutan dalam kalangan belia di Malaysia. Pendekatan kualitatif dipilih kerana kajian ini bertujuan memahami mesej, penekanan dan makna yang terkandung dalam penyampaian khutbah Jumaat, khususnya berkaitan isu kewangan, hutang dan kebangkrutan daripada perspektif Islam.

5.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah kajian kualitatif deskriptif-analitik yang menggabungkan analisis kandungan dokumen dan sorotan literatur. Analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti sejauh mana isu kebangkrutan belia dan pengurusan kewangan Islam diketengahkan dalam khutbah Jumaat, manakala sorotan literatur berfungsi untuk membina kerangka konseptual berkaitan peranan masjid sebagai institusi pembangunan komuniti dan agen intervensi sosial.

5.2 Sumber Data Kajian

Dua sumber data utama digunakan dalam kajian ini:

i. Teks khutbah Jumaat

Sebanyak 70 teks khutbah Jumaat yang disampaikan di masjid-masjid terpilih di Malaysia telah dianalisis. Teks khutbah diperoleh daripada laman web rasmi Jabatan Agama Islam negeri-negeri terpilih serta platform rasmi masjid. Tempoh khutbah yang dianalisis adalah dari Januari 2025 hingga Ogos 2025.

ii. Literatur akademik dan dokumen rasmi

Data sekunder merangkumi artikel jurnal, buku ilmiah, laporan Jabatan Insolvency Malaysia, laporan Bank Negara Malaysia, serta dokumen berkaitan literasi kewangan dan institusi masjid. Literatur ini digunakan untuk menyokong analisis dapatan dan membandingkan mesej khutbah dengan keperluan sebenar belia dalam konteks kewangan semasa.

5.3 Kaedah Pemilihan Data

Pemilihan teks khutbah dibuat menggunakan pensampelan bertujuan. Kriteria pemilihan khutbah adalah seperti berikut:

- i. Khutbah yang menyentuh isu sosial, kehidupan seharian atau cabaran umat Islam.
- ii. Khutbah yang berpotensi mempunyai kaitan dengan nilai ekonomi, pengurusan kehidupan, hutang atau tanggungjawab sosial.
- iii. Khutbah yang disampaikan dalam tempoh kajian dan boleh diakses secara rasmi.

Pendekatan ini membolehkan penyelidik menilai secara kritikal kandungan khutbah yang relevan dengan objektif kajian tanpa bergantung kepada pemilihan rawak.

5.4 Prosedur Analisis Data

Analisis data dilakukan melalui analisis kandungan tematik. Proses analisis melibatkan beberapa peringkat:

- i. Pembacaan berulang terhadap teks khutbah untuk mendapatkan kefahaman menyeluruh terhadap mesej yang disampaikan.
- ii. Pengkodan terbuka, iaitu mengenal pasti frasa, ayat atau idea yang berkaitan dengan kewangan, hutang, gaya hidup, tanggungjawab ekonomi dan belia.
- iii. Pengelompokan kod kepada tema-tema utama seperti penekanan moral umum, kewajipan melunaskan hutang, peranan masjid, dan ketiadaan perbincangan khusus tentang kebankrapan belia.
- iv. Perbandingan dapatan dengan literatur sedia ada bagi menilai keselarasan atau jurang antara mesej khutbah dan keperluan literasi kewangan Islam belia.

Analisis ini bertujuan mengenal pasti pola dan kecenderungan dalam kandungan khutbah, bukan untuk membuat generalisasi statistik.

5.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian

Bagi meningkatkan kesahan dapatan kajian, triangulasi sumber digunakan melalui perbandingan antara analisis khutbah dan dapatan daripada sorotan literatur. Selain itu, proses analisis dilakukan secara berulang bagi memastikan tema yang dikenal pasti adalah konsisten dan relevan dengan objektif kajian.

Kajian ini mempunyai beberapa batasan, antaranya kebergantungan kepada teks khutbah bertulis tanpa analisis penyampaian lisan dan respons jemaah. Namun begitu, kajian ini masih signifikan sebagai penerokaan awal terhadap peranan masjid dalam menangani isu kebangkrapan belia dari sudut pendidikan dan kesedaran kewangan Islam.

6. Sorotan Literatur

Sorotan literatur bertujuan memberikan gambaran menyeluruh terhadap kajian-kajian lampau yang berkaitan dengan isu kebangkrapan belia, tahap literasi kewangan serta peranan institusi seperti masjid dalam mendidik masyarakat. Penilaian terhadap literatur ini penting kerana ianya dapat membantu membina asas teori, mengenal pasti corak kajian terdahulu, dan merumuskan kelompongan yang wujud dalam bidang penyelidikan ini.

Fenomena kebangkrapan dalam kalangan belia di Malaysia bukan sahaja dikaitkan dengan kelemahan pengurusan kewangan malah turut berpunca daripada gaya hidup konsumtif dan keterbatasan pengetahuan mengenai kewangan Islam. Justeru itu, literatur terdahulu sering menekankan kepentingan literasi kewangan sebagai strategi pencegahan, namun pendekatan melalui institusi berteraskan komuniti seperti masjid masih kurang diberi perhatian.

Masjid merupakan sebuah institusi yang utama dan mulia dalam peradaban Islam. Keutamaan institusi masjid dapat dibuktikan menerusi usaha Rasulullah SAW mendirikan masjid Quba' sebaik sahaja ketibaan baginda di Quba'. Baginda turut mendirikan masjid apabila baginda sampai di Madinah (Al-Buti, 1997). Setiap amalan murni dan aktiviti yang berfaedah khususnya yang melibatkan keagamaan seringkali dilaksanakan di masjid dan kawasan sekitarnya. Masjid menjadi pusat ibadah, pusat sosial dan pembudayaan serta penyebaran ilmu yang agung pada zaman Rasulullah SAW (Shahbuddin & Gunardi, 2023). Namun begitu, pada masa kini peranan masjid perlu ditonjolkan selari dengan perkembangan dunia supaya masjid mampu menjadi institusi yang unggul dalam pemerintahan dakwah Islam.

Masjid sejak dahulu lagi dikenali sebagai pusat ibadah dan pendidikan, malah fungsinya turut meliputi aspek sosial, ekonomi dan pembangunan komuniti. Dalam konteks isu kebangkrapan, masjid berpotensi menjadi medium pendidikan kewangan Islam yang berkesan kerana kedudukannya yang dekat dengan masyarakat dan mempunyai autoriti moral yang tinggi.

Oleh itu, sorotan literatur ini akan meninjau beberapa tema utama iaitu:

- i) Tren kebangkrapan Belia di Malaysia.
- ii) Literasi kewangan Islam.
- iii) Peranan masjid sebagai pusat pendidikan dan pembangunan komuniti.

Tema-tema menarik ini diambil secara rambang untuk dijadikan kesimpulan dalam pembacaan sorotan literatur dan diulas dengan lebih mendalam.

6.1 Tren Kebankrapan Belia Di Malaysia.

Islam membenarkan umatnya berhutang. Namun, Islam tidak menggalakkan umatnya berhutang atau membuat pinjaman kewangan terutama sekali bagi tujuan yang melebihi keperluan asas kehidupan (Sulaiman,2009). Setiap hutang yang dibuat perlu ada saksi dan catatan. Tujuan berhutang juga perlulah jelas agar tidak menjadi beban pada masa akan datang. Apabila perjanjian telah ditandatangani bersama institusi yang membenarkan pinjaman, maka bermulalah titik mula dalam pengurusan kewangan.

Umur 18 tahun belia di Malaysia dibenarkan oleh undang-undang untuk membuat permohonan pembiayaan di mana-mana institusi kewangan di Malaysia. Ini bermakna golongan muda sudah mempunyai akses kepada kemudahan kredit dan pinjaman pada usia yang masih muda. Ianya sekali gus mendedahkan mereka kepada risiko keberhutangan sekiranya tidak mengurus kewangan dengan bijak. Oleh kerana itu, untuk sesebuah negara mempunyai sifar dalam keberhutangan amatlah tipis dan sukar untuk dicapai. Keberhutangan seseorang tidak mampu dielakkan tetapi kestabilan dalam kewangan perlu diterapkan. Mencapai sesuatu kepuasan dalam kewangan adalah matlamat yang realistik daripada bebas daripada hutang, ianya memerlukan tingkah laku yang dirancang dengan baik (Ali, Rahman & Bakar, 2015). Apabila tahap berhutang tinggi maka tahap kebangkrapan juga akan semakin meningkat.

Senario muflis sering dikaitkan dengan golongan yang mempunyai perusahaan yang mengalami kegagalan kewangan dan akhirnya diisytiharkan muflis oleh Jabatan Insolvensi Malaysia. Tetapi hakikatnya, 60 peratus daripada keseluruhan individu muflis di Malaysia adalah terdiri daripada golongan belia (Berita Harian Online, 2019). Sebanyak 2.2 juta isi rumah di Malaysia yang berpendapatan RM1,000 ke bawah dan majoriti mereka berada di bandar (Sivanesan Tamil Selvam, 2020). Menurut Syah, Sha'ari, Nasir dan Razaki (2022), golongan yang berusia di bawah 45 tahun, sebanyak 50% daripada itu adalah melibatkan pemegang kredit yang berusia di bawah umur 30 tahun.

Kebankrapan merupakan satu isu ekonomi dan sosial yang semakin meruncing dalam kalangan belia di Malaysia. Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia menunjukkan peningkatan kes kebangkrapan dalam kalangan individu berusia bawah 35 tahun, yang kebanyakannya berpunca daripada kegagalan membayar hutang, termasuk pinjaman peribadi. Keadaan ini amat membimbangkan memandangkan belia merupakan kelompok penting dalam pembangunan negara (Mohamad Ali & A.B Wahab, 2024).

Golongan belia merupakan golongan sasaran dalam sektor pembiayaan. Ini kerana, mereka telah mencapai had umur yang dibenarkan dalam membuat pembiayaan. Dalam tema ini penyelidik akan menunjukkan data kebangkrapan tahun 2024 sehingga Jun 2025. Hal ini bagi menunjukkan tren kebangkrapan yang terdapat di Malaysia. Penyelidik juga menunjukkan tren kebangkrapan bagi golongan belia daripada tahun 2024 sehingga Jun 2025.

Data kebangkrapan yang dikeluarkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia sehingga Disember 2024, menunjukkan 133,884 jumlah kes kebangkrapan yang ditadbir. Namun begitu,

kekurangannya disini adalah, Jabatan Insolvensi tidak menyatakan jumlah yang diperoleh ini bermula daripada tahun bila. Hal ini kerana, daripada tahun 2020 sehingga Desember 2024 kes kebangkrapan yang ditadbir hanyalah 31,387.

Jadual 1.0 : Jumlah Keseluruhan Kes Kebankrapan Mengikut Cawangan Hingga Tahun 2024.

CAWANGAN	JUMLAH KES
SELANGOR	23,352
WILAYAH PERSEKUTUAN	18,191
JOHOR BAHRU	18,371
PULAU PINANG	15,607
PERAK	9,500
KEDAH	7,505
MUAR	4,853
MELAKA	2,525
NEGERI SEMBILAN	4,099
SABAH	2,636
KELANTAN	2,974
SARAWAK	8,812
PAHANG	3,835
TERENGGANU	1,335
MIRI	3,742
TEMERLOH	1,578
TAIPING	2,012
SIBU	852
TAWAU	1,156
SANDAKAN	651
PERLIS	298
JUMLAH	133,884

Sumber : Jabatan Insolvency Malaysia 2024.

Merujuk kepada Jadual 1.0, Selangor merupakan negeri yang mencatatkan jumlah kes kebangkrapan yang tertinggi sebanyak 23,352 kes manakala Perlis adalah negeri yang paling rendah kes kebangkrapan iaitu 298 kes.

Jadual 2.0 : Jumlah Keseluruhan Kes kebangkrapan Yang Didaftarkan Mengikut Cawangan Dari Tahun 2020 sehingga Disember 2024.

CAWANGAN	TAHUN					JUMLAH
	2020	2021	2022	2023	2024	
WIL. PERSEKUTUAN	872	918	823	626	715	3,954
SELANGOR	1,900	1,789	1,044	1,249	1,599	7,581
JOHOR BAHRU	628	544	559	400	492	2,623
PERAK	499	354	272	245	332	1,702
PULAU PINANG	386	373	357	283	324	1,723
KEDAH	381	359	591	264	335	1,930
MUAR	261	158	133	89	114	755
SABAH	569	357	334	221	230	1,711
KELANTAN	324	253	303	243	264	1,387
MELAKA	254	146	125	121	155	801
NEGERI SEMBILAN	444	311	206	206	232	1,399
TEMERLOH	212	78	105	63	108	566
PAHANG	187	178	172	131	214	882
SARAWAK	236	147	129	214	255	981
TERENGGANU	367	139	145	150	164	965
MIRI	194	92	73	67	94	520
SIBU	121	54	68	47	88	378
TAIPING	180	69	77	74	62	462
TAWAU	180	130	75	55	104	544
SANDAKAN	107	79	59	39	50	334
PERLIS	49	26	45	23	46	189
JUMLAH	8,351	6,554	5,695	4,810	5,977	31,387

Sumber : Jabatan Insolvensi Malaysia 2024.

Merujuk kepada Jadual 2.0 menunjukkan bahawa tahun 2020 mencatatkan kes sebanyak 8,351 kes. Penyelidik beranggapan bahawa tahun 2020 adalah tahun negara dilanda wabak Covid-19 dan pada ketika ini ramai yang hilang pekerjaan dan gaji dibayar separuh sehingga membawa kepada kegagalan dalam membuat pembayaran semula pembiayaan yang diambil. Namun pada tahun 2021 sehingga 2023 tren menunjukkan semakin menurun. Hal ini kerana, negara sudah pun beransur pulih tahap ekonomi dan ramai yang mula bekerja dan gaji dibayar penuh. Tambahan pula, Bank Negara Malaysia menurunkan kadar OPR 4 kali bermula tahun 2020 bermula daripada 3.0% sehingga 1.75%. Penurunan OPR dilakukan untuk mengurangkan kos pinjaman dan menggalakkan perbelanjaan serta pelaburan, sebagai langkah merangsang ekonomi yang terkesan oleh pandemik.

Daripada tahun 2023 sehingga Disember 2024 dilihat kes kebangkrapan meningkat sebanyak 1,167 kes iaitu daripada 4,810 kes kepada 5,977. Penyelidik berpendapat bahawa, BNM meningkatkan kadar OPR kepada 3.00%. Kadar ini dikekalkan sepanjang tahun 2024 tanpa sebarang kenaikan dan penurunan yang diumumkan. Hal ini kerana, menurut BNM, ianya merupakan penanda aras untuk menentukan kadar faedah

pinjaman bank bertujuan memastikan kestabilan harga dan kemampuan pertumbuhan ekonomi dalam jangka panjang.

Sehingga Jun 2025, jumlah kes kebangkrapan yang dicatat adalah sebanyak 119,297 kes. Berbanding dengan data yang dikeluarkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia pada tahun 2024 menunjukkan penurunan sebanyak 14,587 kes. Penyelidik beranggapan bahawa ramai yang telah menyertai program yang dilaksanakan oleh AKPK. AKPK adalah jalan terakhir yang membantu peminjam untuk keluar daripada status mufliis. Hal ini sekaligus mencatatkan penurunan kes pada tempoh 2021 sehingga Jun 2025 iaitu 26,060 kes. Jadual 3.0 dan Jadual 4.0 menunjukkan maklumat lengkap.

Jadual 3.0 : Jumlah Keseluruhan Kes Kebankrapan Mengikut Cawangan Hingga Tahun 2025.

CAWANGAN	JUMLAH KES
WILAYAH PERSEKUTUAN	16,755
SELANGOR	21,905
JOHOR BAHRU	14,236
PULAU PINANG	14,712
PERAK	7,818
PAHANG	3,077
KELANTAN	2,786
SABAH	2,311
SARAWAK	8,335
KEDAH	6,991
TERENGGANU	1,450
MELAKA	2,115
NEGERI SEMBILAN	3,990
PERLIS	298
MUAR	3,958
MIRI	3,178
TAIPING	1,913
TAWAU	799
SANDAKAN	512
TEMERLOH	1,445
SIBU	713
JUMLAH	119,297

Sumber : Jabatan Insolvensi Malaysia 2025.

Jadual 4.0 : Jumlah Keseluruhan Kes kebangkrapan Yang Didaftarkan Mengikut Cawangan Dari Tahun 2021 sehingga Jun 2025.

CAWANGAN	TAHUN 2025					JUMLAH
	2021	2022	2023	2024	2025	
WIL. PERSEKUTUAN	918	823	626	715	405	3,487
SELANGOR	1,789	1,044	1,249	1,599	669	6,350
JOHOR BAHRU	544	559	400	492	259	2,254
PULAU PINANG	373	357	283	324	147	1,484
PERAK	354	272	245	332	153	1,356
PAHANG	178	172	131	214	79	774
KELANTAN	253	303	243	264	127	1,190
SABAH	357	334	221	230	239	1,381
SARAWAK	147	129	214	255	118	863
KEDAH	359	591	264	335	122	1,671
TERENGGANU	139	145	150	164	111	709
MELAKA	146	125	121	155	54	601
NEGERI SEMBILAN	311	206	206	232	123	1,078
PERLIS	26	45	23	46	30	170
MUAR	158	133	89	114	71	565
MIRI	92	73	67	94	57	383
TAIPING	69	77	74	62	73	355
TAWAU	130	75	55	104	64	428
SANDAKAN	79	59	39	50	32	259
TEMERLOH	78	105	63	108	59	413
SIBU	54	68	47	88	32	289
JUMLAH	6,554	5,695	4,810	5,977	3,024	26,060

Sumber : Jabatan Insolvensi Malaysia 2025.

Namun begitu, fokus utama tema adalah tren kebangkrapan belia di Malaysia. Merujuk kepada data yang dikeluarkan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia hanya fokus kepada belia yang berumur 30 tahun dan ke bawah. Oleh itu, penyelidik merumuskan data tersebut dalam Jadual 5.0 yang menunjukkan perolehan dan perbezaan data tahun 2024 sehingga Jun 2025.

Jadual 5.0 Perolehan dan perbezaan data tahun 2024 sehingga Jun 2025.

BULAN	2024	2025
JANUARI	21	23
FEBRUARI	18	35
MAC	15	21
APRIL	12	21
MEI	19	27
JUN	53	61
JULAI	29	-
OGOS	17	-
SEPTEMBER	24	-
OKTOBER	33	-
NOVEMBER	39	-
DISEMBER	37	-
JUMLAH	317	188*

*sehingga Jun

Sumber : Jabatan Insolvensi Malaysia.

Merujuk Jadual 5.0 ini penyelidik merumuskan bahawa akan ada peningkatan yang mendadak sehingga Disember 2025. Hal ini kerana, jika dilihat sehingga Jun 2025 mencatatkan 188 kes. Jika dibandingkan data sehingga Jun 2024 kes yang dicatat hanyalah 138 kes sahaja. Oleh itu, sekiranya isu ini tidak dibendung, maka belia di negara ini akan mufliis di usia muda. Mufliis di usia muda bukan suatu perkara yang boleh dipandang mudah. Pembangunan masyarakat akan terbantut dan ekonomi negara tidak lagi mampan kerana belia yang dianggap tonggak negara tiada lagi sifat kepimpinan.

Setiap agensi kewangan perlu memainkan peranan masing-masing dalam membendung masalah ini. Masjid juga tidak terkecuali dalam membantu mengurangkan masalah bankrap di kalangan belia ini. Namun begitu, aspek kewangan dalam Islam perlu difahami terlebih dahulu agar usaha ini tidak sia-sia. Penyelidik percaya sekiranya konteks pemahaman dalam kewangan islam itu difahami dengan mendalam, maka isu kebankrapan ini dapat dikurangkan.

6.2 Literasi Kewangan Islam.

Literasi kewangan Islam bukan sahaja merujuk kepada pemahaman tentang produk dan perkhidmatan kewangan yang mematuhi Shariah, tetapi juga pelaksanaan pengurusan kewangan etika sumber berdasarkan prinsip Maqasid al-Shariah. Terdapat kajian menunjukkan bahawa lebih daripada 60% belia di negara membangun kekurangan pengetahuan kewangan yang mencukupi untuk menguruskan perbelanjaan dan hutang mereka (Pertubuhan untuk Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD, 2022).

Kelemahan ini menjadikan mereka terdedah kepada krisis kewangan dan hutang yang tidak mampan. Walaupun Malaysia dikenali sebagai hab kewangan Islam global, literasi kewangan belia Muslim masih sangat rendah. Bank Negara Malaysia (2022) menekankan bahawa kebangkrutan belia di negara ini meningkat sebanyak 12% dalam lima tahun terakhir, yang terutama disebabkan oleh hutang kad kredit dan pinjaman peribadi. Selain itu, Kajian Literasi Kewangan Malaysia Ringgit Plus (2023) melaporkan bahawa hanya 30% belia mempunyai pemahaman yang jelas tentang konsep kewangan Islam dan cara untuk menerapkannya.

Menurut Sumairi, Shaarani & Habidin (2025) menjelaskan bahawa rendahnya literasi kewangan Islam di kalangan belia berpunca daripada kurangnya pendidikan formal, bimbingan keluarga dan dominasi naratif kewangan konvensional di media sosial. Aspek pertama iaitu, pendidikan agama Islam yang kurang formal. Dalam dunia pendidikan masa kini, aspek atau elemen kewangan Islam tidak diajar secara menyeluruh dalam pendidikan formal dan masih lagi kurang diberikan perhatian. Pendidikan mengenai instrumen kewangan patuh syariah, pengurusan hutang berasaskan syariah dan pengetahuan tentang bahaya riba tidak diajar secara menyeluruh walaupun terdapat mata pelajaran yang berkaitan dengan pendidikan Islam atau perdagangan. Akibatnya, ramai remaja tidak mempunyai akses kepada prinsip asas pengetahuan kewangan Islam sejak mereka bersekolah.

Kedua, belia pada masa kini tidak tahu cara dalam menggunakan wang mengikut ajaran Islam kerana mereka tidak atau kurang dalam mendapat bimbingan keluarga. Ramai ibu bapa tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang kewangan Islam dan akibatnya mereka tidak dapat mengajar anak-anak mereka cara mengendalikan perbelanjaan mereka, menabung dalam akaun patuh syariah dan membezakan antara pinjaman Islamik dan pinjaman konvensional. Budaya "tidak berbicara tentang kewangan dalam keluarga" menjadikan perkara ini lebih kuat kerana ianya mengajar anak-anak muda cara mengendalikan wang mereka sendiri yang boleh membawa kepada risiko yang tinggi.

Ketiga, sikap dan tingkah laku belia banyak dipengaruhi oleh naratif kewangan konvensional yang didominasi daripada media sosial. Kandungan di platform seperti TikTok, Instagram, dan YouTube yang mempromosikan gaya hidup mewah dan penggunaan kad kredit serta kemudahan kredit segera seperti Buy Now Pay Later (BNPL). Kemudahan kewangan ini mengutamakan keuntungan segera, kebebasan berbelanja dan prestij sosial tetapi dalam masa yang sama mereka mengabaikan risiko hutang atau pentingnya keberkatan rezeki. Impaknya, belia lebih cenderung untuk mengikuti cara kewangan konvensional ini berbanding daripada mencari ilmu kewangan Islam yang berlandaskan nilai kesederhanaan, keadilan dan tanggungjawab.

Kesimpulannya, perkara ini menunjukkan bahawa rendahnya literasi kewangan Islam dalam kalangan belia bukan sahaja berpunca daripada kelemahan individu tetapi juga daripada jurang dalam pendidikan, keluarga dan ekosistem maklumat yang didominasi daripada media sosial. Hal ini menunjukkan satu pendekatan holistik di mana masjid sebagai institusi komuniti berperanan melengkapkan kekosongan tersebut melalui khutbah, kuliah, bengkel belia dan kolaborasi dengan institusi kewangan Islam. Maka

dengan ini, masjid dapat menjadi benteng bagi melawan pengaruh negatif dan sekaligus meningkatkan kesedaran kewangan Islam dalam kalangan generasi muda.

6.3 Peranan Masjid Sebagai Pusat Pendidikan dan Pembangunan Komuniti.

Masjid berperanan dalam memberi ruang dan peluang kepada belia dan masyarakat setempat untuk menyebarkan serta menganjurkan kelas agama, pengajian Al-Quran dan penyampaian ceramah-ceramah agama. Hal ini sekaligus menjadikan masjid sebagai pusat pendidikan dan penyebaran dakwah. Setiap perkara yang dibuat di dalam masjid mendatangkan 1001 kebaikan. Sepertimana sabda Rasulullah SAW :

مَنْ جَاءَ مَسْجِدِي هَذَا، لَمْ يَأْتِهِ إِلَّا لِحَيْرٍ يَتَعَلَّمُهُ أَوْ يُعَلِّمُهُ، فَهُوَ بِمَنْزِلَةِ الْمُجَاهِدِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، وَمَنْ جَاءَ لِعَبْرٍ ذَلِكَ فَهُوَ بِمَنْزِلَةِ الرَّجُلِ يَنْظُرُ إِلَى مَتَاعٍ غَيْرِهِ

Maksudnya: “Barangsiapa yang mendatangi masjidku ini, tidaklah dia datang melainkan kerana sesuatu kebaikan yang dia pelajari atau mengajarkannya, maka dia seperti orang yang berjihad di jalan Allah. Dan barangsiapa yang mendatangnya disebabkan selain daripada itu, maka dia seperti seseorang yang melihat barang milik orang lain.” Diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA.

Hadis ini menjelaskan bahawa orang yang mendatangi masjid dengan tujuan yang baik seperti belajar atau mengajar ilmu agama kedudukannya seperti seorang pejuang di jalan Allah. Oleh itu, menuntut ilmu di dalam masjid amat digalakkan. Terutamanya untuk belia kerana ianya mendekatkan diri dengan aktiviti-aktiviti sosial dalam masjid dan jauh daripada sebarang aktiviti yang tidak berfaedah. Oleh itu, masjid boleh dijadikan sebagai tempat dalam penyebaran kesedaran mengenai isu kebangkrapan. Hal ini termasuk dalam salah satu dalam usaha berdakwah bagi mengelakkan belia terus hanyut dengan hutang-hutang yang ada.

Sebagai institusi agama Islam, masjid mempunyai tempat yang istimewa dalam masyarakat kerana ia bukan sahaja tempat ibadah tetapi juga tempat pendidikan, sosial, dan pembangunan komuniti. Masjid dilihat mampu memainkan peranan strategik dalam pendidikan dan intervensi sosial dalam menangani masalah kebangkrapan belia Malaysia yang semakin meningkat. Peranan ini menjadi lebih penting apabila kajian menunjukkan bahawa kebanyakan belia yang terjebak dalam kebangkrapan berpunca daripada gaya hidup berlebihan, kekurangan kemahiran pengurusan kewangan, dan kekurangan kesedaran tentang prinsip kewangan Islam (Bank Negara Malaysia, 2023).

Belia amat sinonim dengan gaya hidup yang moden dan suka mengikut tren semasa. Tidak mengambilkira soal pendapatan dan kemampuan. Apabila gaya hidup ini diamalkan maka golongan ini akan mengalami tekanan ekonomi kerana berbelanja melebihi pendapatan. Hal ini kerana, media sosial adalah medium yang memberi impak sepenuhnya kepada golongan belia. Penggunaan kredit yang terlalu mudah seperti “Buy Now Pay Later”, pinjaman peribadi dan kad kredit menyebabkan ramai golongan muda

diisytiharkan bankrap. Oleh kerana itu, peranan masjid diperlukan dalam memberi kesedaran secara tidak langsung. Masjid boleh menjadi agen pencegahan dalam situasi ini dengan mendidik belia tentang kewangan Islam. Masjid boleh menjadikan khutbah jumaat, program mingguan dan program komuniti belia untuk menekankan kepentingan hidup dalam kesederhanaan, keberkatan dalam mencari rezeki dan larangan penggunaan riba dalam kehidupan seharian. Masjid perlu menekankan mengenai kepentingan dalam merancang kewangan. Belia perlu bijak dalam merancang kewangan kerana masa hadapan tidak tahu apa yang akan terjadi.

Peranan masjid sebagai pusat ibadat tidak dapat dinafikan. Namun begitu, keupayaan masjid dalam menghubungkan aspek rohani dan kehidupan praktikal turut tidak dapat dipersoalkan. Hal ini kerana, masjid mampu menjadi tempat dalam menyampaikan dakwah mengenai literasi kewangan Islam. Apabila aspek sebegini diajar dalam masjid, ianya bukan sahaja bersifat teknikal tetapi turut disaluti dengan nilai-nilai murni, etika dan keimanan. Perkara ini memberikan beza di antara kewangan Islam dan kewangan konvensional. Ceramah-ceramah di masjid sama sekali tidak akan memberi penerangan mengenai perbankan konvensional. Oleh kerana itu, belia yang menuntut ilmu tambahan mengenai kewangan Islam di masjid bukan sahaja memahami cara mengurus hutang atau kebaikan menabung tetapi akan dapat melihat bagaimana pengurusan kewangan menjadi sebahagian daripada ibadah dan amanah yang perlu dipertanggungjawabkan di hadapan Allah SWT nanti apabila masa nya telah tiba. Pengurusan kewangan tidak boleh dipandang rendah kerana setiap perkara yang dibuat hasil daripada wang yang tidak berkat akan dipersoalkan di kemudian hari.

Pusat pendidikan dan pembangunan komuniti merupakan sebahagian daripada tanggungjawab masjid. Akan tetapi, terdapat beberapa isu yang perlu diatasi untuk memperbaiki beberapa kekurangan yang terdapat pada institusi ini. Antaranya ialah kekurangan sumber kewangan dan kekurangan pakar kewangan Islam. Kekurangan ini boleh menyebabkan institusi masjid menjadi kurang relevan pada pandangan mata belia. Walau bagaimanapun, sekiranya masjid mempunyai kerjasama dengan universiti-universiti tempatan, institusi kewangan Islam, organisasi belia dan agensi-agensi kerajaan, ianya mampu membuka ruang yang lebih luas dan mempunyai peluang yang cerah dalam menjadikan masjid sebagai pusat pendidikan formal. Banyak input positif yang akan diperoleh apabila mempunyai kerjasama dengan pihak-pihak berwajib dalam soal kewangan. Masjid boleh berkembang menjadi pusat pendidikan yang menyeluruh dengan program yang dirancang. Program ini boleh mengajar agama selain mendidik belia yang bijak dari segi kewangan, sosial, dan moral.

Kesimpulannya, melalui kuliah rohani, program literasi kewangan Islam dan inisiatif pembangunan komuniti boleh membantu belia menjadi lebih bijak dalam menguruskan wang mereka dan mengelakkan terjebak dalam kancas hutang yang membawa kepada kebangkrutan. Ilmu-ilmu kewangan Islam boleh mengajar belia tentang pengurusan perbelanjaan, pentingnya menabung, dan cara mengelakkan hutang yang boleh membawa kepada amalan riba (Asif, Utaberta, Ismail & Shaharil, 2021). Selain itu, kerjasama dengan institusi kewangan Islam, mengadakan bengkel keusahawanan untuk belia, dan menyebarkan dana zakat atau wakaf untuk membantu belia yang berisiko mufliis merupakan inisiatif pembangunan komuniti yang boleh dijalankan oleh masjid.

Peranan masjid haruslah dilihat bukan lagi sebagai tempat ibadah semata-mata tetapi sebagai institusi pembangunan masyarakat yang menyeluruh, yang mampu bertindak sebagai pusat pendidikan kewangan, pengukuhan nilai moral, dan pemulihan sosial sekaligus mengurangkan tren kebangkrutan terhadap belia di Malaysia.

7. Dapatan Kajian

Bahagian ini membentangkan dapatan kajian hasil daripada analisis kandungan terhadap 70 teks khutbah Jumaat yang disampaikan di masjid-masjid terpilih di Malaysia dalam tempoh Januari hingga Ogos 2025. Analisis tematik mendapati bahawa perbincangan berkaitan isu kebangkrutan belia dan pengurusan kewangan Islam dalam khutbah Jumaat masih terhad dan tidak diberi penekanan secara langsung. Empat tema utama telah dikenal pasti seperti berikut.

7.1 Ketiadaan Perbincangan Langsung tentang Kebankrutan Belia

Dapatan kajian menunjukkan bahawa isu kebangkrutan dalam kalangan belia hampir tidak disentuh secara langsung dalam kandungan khutbah Jumaat yang dianalisis. Tiada satu pun khutbah yang menggunakan istilah seperti kebangkrutan, muflis, atau insolvensi dalam konteks cabaran kewangan yang dihadapi oleh golongan muda. Walaupun terdapat khutbah yang menyentuh isu hutang secara umum, perbincangan tersebut tidak dikaitkan dengan risiko kebangkrutan, kesan sosial atau implikasi jangka panjang terhadap kehidupan belia. Ketiadaan perbincangan khusus ini menunjukkan bahawa isu kebangkrutan belia belum dilihat sebagai agenda dakwah yang mendesak dalam penyampaian khutbah Jumaat, walaupun statistik nasional menunjukkan peningkatan kes muflis dalam kalangan golongan muda. Keadaan ini mewujudkan jurang antara realiti kewangan belia dan kandungan mesej yang disampaikan di mimbar masjid.

7.2 Penekanan terhadap Nilai Moral Umum tanpa Konteks Kewangan Praktikal

Tema kedua yang dikenal pasti ialah kecenderungan khutbah Jumaat untuk menekankan nilai moral dan kerohanian secara umum, seperti amanah, kesederhanaan, tanggungjawab dan ketakwaan, tanpa mengaitkannya secara jelas dengan amalan pengurusan kewangan seharian. Nilai-nilai ini sering disampaikan dalam bentuk nasihat umum tanpa disokong oleh contoh situasi kewangan sebenar yang dihadapi oleh belia, seperti penggunaan kad kredit, pinjaman peribadi atau skim Buy Now Pay Later.

Pendekatan ini menyebabkan mesej kewangan dalam khutbah bersifat abstrak dan kurang kontekstual. Walaupun nilai moral merupakan asas penting dalam Islam, ketiadaan aplikasi praktikal dalam konteks kewangan semasa menyukarkan belia untuk menghubungkan mesej khutbah dengan cabaran kewangan yang mereka hadapi. Dapatan ini menunjukkan bahawa khutbah lebih berfungsi sebagai peringatan moral berbanding sebagai medium pendidikan kewangan Islam yang bersifat aplikatif.

7.3 Fokus terhadap Kewajipan Melunaskan Hutang tanpa Perbincangan Pencegahan

Analisis turut mendapati bahawa perbincangan tentang hutang dalam khutbah Jumaat lebih tertumpu kepada aspek kewajipan melunaskan hutang dan implikasi dosa jika gagal berbuat demikian. Penekanan ini selaras dengan ajaran Islam yang menegaskan kepentingan menunaikan hak sesama manusia. Namun, khutbah yang membincangkan hutang jarang menyentuh aspek pencegahan, seperti perancangan kewangan, kawalan perbelanjaan atau penilaian keupayaan sebelum berhutang.

Selain itu, perbincangan hutang dalam khutbah tidak membezakan secara jelas antara jenis hutang yang produktif dan hutang konsumtif, sedangkan perbezaan ini penting dalam konteks kebangkrapan belia. Ketiadaan perbincangan pencegahan ini menunjukkan bahawa pendekatan khutbah lebih bersifat reaktif terhadap hutang yang telah berlaku, berbanding proaktif dalam mencegah masalah kewangan yang boleh membawa kepada kebangkrapan.

7.4 Ketiadaan Pendekatan Yang Fokus Belia dalam Penyampaian Khutbah

Tema keempat merujuk kepada ketiadaan pendekatan belia-sentrik dalam kandungan khutbah Jumaat. Analisis menunjukkan bahawa mesej khutbah disampaikan secara umum kepada semua lapisan jemaah tanpa mengambil kira perbezaan konteks umur, khususnya cabaran kewangan yang unik dalam kalangan belia. Isu seperti hutang pendidikan, tekanan gaya hidup, pengaruh media sosial dan kemudahan kredit digital tidak disentuh secara khusus dalam khutbah.

Ketiadaan pendekatan belia-sentrik ini menyebabkan masjid kurang berfungsi sebagai ruang intervensi sosial yang responsif terhadap keperluan golongan muda. Walaupun belia sering disebut sebagai aset negara dan tonggak masa hadapan, kandungan khutbah tidak mencerminkan keperluan mendesak mereka dalam aspek literasi kewangan Islam. Dapatan ini menunjukkan potensi yang belum dimanfaatkan sepenuhnya oleh masjid dalam membimbing belia menghadapi realiti ekonomi semasa.

7.5 Ringkasan Dapatan

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa khutbah Jumaat di masjid-masjid terpilih di Malaysia masih belum dimanfaatkan secara optimum sebagai medium kesedaran dan pendidikan kewangan Islam dalam konteks kebangkrapan belia. Kandungan khutbah cenderung menekankan nilai moral umum dan kewajipan agama tanpa disertai pendekatan yang kontekstual, praktikal dan berfokuskan belia. Keadaan ini membuka ruang untuk memperkukuh peranan masjid sebagai agen intervensi sosial yang lebih responsif terhadap cabaran kewangan generasi muda Muslim di Malaysia.

8. Perbincangan Kajian

Perbincangan kajian ini menilai dapatan kajian dengan mengaitkannya kepada literatur sedia ada berkaitan kebankrapan belia, literasi kewangan Islam dan fungsi masjid sebagai institusi pembangunan komuniti. Perbincangan ini juga meneliti implikasi dapatan terhadap peranan masjid dalam konteks masyarakat Islam di Malaysia.

8.1 Kebankrapan Belia sebagai Isu Sosial yang Belum Dinormalkan dalam Wacana Dakwah

Dapatan kajian menunjukkan bahawa isu kebankrapan belia hampir tidak dibincangkan secara langsung dalam khutbah Jumaat, walaupun statistik nasional membuktikan bahawa masalah muflis dalam kalangan golongan muda semakin meningkat. Keadaan ini menunjukkan bahawa kebankrapan masih dilihat sebagai isu teknikal kewangan atau peribadi, dan belum dinormalkan sebagai isu sosial yang memerlukan perhatian dakwah dan pendidikan masyarakat.

Dapatan ini selari dengan kajian lepas yang menunjukkan bahawa perbincangan kewangan dalam ruang keagamaan sering terhad kepada aspek moral dan hukum, tanpa penglibatan yang mendalam terhadap realiti struktur ekonomi dan kewangan semasa. Dalam konteks ini, kebankrapan belia bukan sekadar kegagalan individu, tetapi mencerminkan kegagalan sistem literasi kewangan dan mekanisme sokongan sosial. Oleh itu, ketiadaan perbincangan khusus dalam khutbah menunjukkan satu jurang antara realiti sosial belia dan agenda dakwah institusi masjid.

8.2 Dominasi Pendekatan Moral-Normatif dalam Penyampaian Khutbah

Tema penekanan nilai moral umum tanpa konteks kewangan praktikal mencerminkan pendekatan dakwah tradisional yang lebih menekankan pembentukan akhlak secara umum. Walaupun pendekatan ini penting, dapatan kajian menunjukkan bahawa ia tidak mencukupi untuk menangani isu kebankrapan belia yang bersifat kompleks dan berlapis. Literatur mengenai literasi kewangan Islam menegaskan bahawa kefahaman nilai perlu disertai dengan kemahiran praktikal seperti perancangan kewangan, pengurusan hutang dan kawalan perbelanjaan. Tanpa penghubung antara nilai dan aplikasi, mesej dakwah berisiko menjadi abstrak dan sukar diterjemahkan dalam tindakan sebenar. Dalam konteks belia yang berdepan dengan kemudahan kredit digital dan tekanan gaya hidup, pendekatan moral semata-mata tidak lagi memadai sebagai mekanisme pencegahan kebankrapan.

8.3 Perbincangan Hutang yang Bersifat Reaktif Berbanding Pencegahan

Fokus khutbah terhadap kewajipan melunaskan hutang tanpa perbincangan pencegahan menunjukkan bahawa isu hutang dibincangkan dari sudut akibat, bukan dari sudut proses dan keputusan kewangan yang membawa kepada hutang tersebut. Pendekatan ini bersifat reaktif dan lebih menekankan aspek dosa serta tanggungjawab selepas berhutang, berbanding membimbing jemaah agar tidak terjebak dalam hutang yang tidak mampan. Dari perspektif maqasid al-shariah, pencegahan kebankrapan lebih hampir kepada pemeliharaan harta (*hifz al-mal*) dan pemeliharaan maruah (*hifz al-'ird*). Kegagalan

mengintegrasikan elemen pencegahan dalam khutbah menunjukkan bahawa wacana kewangan Islam masih belum dimanfaatkan sepenuhnya sebagai instrumen perlindungan sosial. Dapatan ini menyokong hujah bahawa masjid berpotensi memainkan peranan yang lebih proaktif dalam membentuk tingkah laku kewangan belia sebelum berlakunya krisis hutang.

8.4 Ketiadaan Pendekatan Belia-Sentrik dan Implikasinya terhadap Keberkesanan Dakwah

Ketiadaan pendekatan belia-sentrik dalam kandungan khutbah menunjukkan bahawa penyampaian mesej masih bersifat seragam dan tidak mengambil kira perbezaan cabaran mengikut kumpulan umur. Literatur berkaitan pembangunan belia menegaskan bahawa golongan muda memerlukan pendekatan yang relevan dengan realiti kehidupan mereka, termasuk tekanan sosial, pengaruh media digital dan akses mudah kepada kredit.

Apabila khutbah tidak menyentuh isu seperti hutang pendidikan, pembiayaan pengguna atau gaya hidup digital, masjid berisiko kehilangan peranan sebagai institusi yang responsif terhadap cabaran semasa belia. Hal ini tidak bermaksud masjid perlu mengubah peranan spiritualnya, tetapi memperluaskan fungsi dakwah agar lebih kontekstual dan inklusif. Dapatan kajian ini mengukuhkan hujah bahawa keberkesanan dakwah bukan hanya bergantung kepada kandungan agama, tetapi juga keupayaannya untuk berinteraksi dengan realiti sosioekonomi masyarakat.

8.5 Masjid sebagai Agen Intervensi Sosial dalam Kerangka Maqasid al-Shariah

Secara keseluruhan, dapatan kajian menyokong idea bahawa masjid mempunyai potensi besar sebagai agen intervensi sosial dalam menangani kebankrapan belia, tetapi potensi ini masih belum dimanfaatkan sepenuhnya. Model masjid dalam sejarah Islam, khususnya Masjid Nabawi, menunjukkan integrasi antara fungsi spiritual, pendidikan dan pengurusan kehidupan masyarakat.

Dalam konteks Malaysia, masjid boleh berperanan sebagai ruang pendidikan kewangan Islam yang berteraskan nilai maqasid al-shariah, tanpa menggantikan fungsi institusi kewangan atau agensi kerajaan. Peranan ini boleh dilaksanakan melalui pendekatan berperingkat seperti penyelarasan tema khutbah, kuliah berkala dan program pendidikan belia. Perbincangan ini menunjukkan bahawa pengukuhan peranan masjid dalam isu kebankrapan belia bukan satu inovasi radikal, tetapi satu perluasan fungsi yang selari dengan tradisi Islam itu sendiri.

Rujukan

- Akta Insolvensi 1624 Pindaan 2020 (2020). <https://mdi.favotech.io/wp-content/uploads/2025/04/Akta-1624-Akta-Insolvensi-Pindaan-2020.pdf>
- Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan. 1997. *Fiqh Sirah*. Selangor: Dewan Pustaka Fajar.
- Ali, A., Rahman, M. S. A., & Bakar, A. (2015). Financial satisfaction and the influence of financial literacy in Malaysia. *Social Indicators Research*, 120, 137-156.
- Asif, N., Utaberta, N., Ismail, S., & Shaharil, M. (2021). THE STUDY ON THE FUNCTIONAL ASPECTS OF MOSQUE INSTITUTION. *Journal of Islamic Architecture*, 6(4), 229-236. doi:<https://doi.org/10.18860/jia.v6i4.11749>
- Bank Negara Malaysia. (2023). *Financial Capability and Inclusion Demand Side Survey 2021: Key findings*. Bank Negara Malaysia.
- Binti Sulaiman, S. (2009). Konsep pinjaman menurut perspektif Islam. *Jurnal Penyelidikan Islam*.
- Jabatan Insolvensi Malaysia (2024). <https://www.mdi.gov.my/wp-content/uploads/2025/05/BRIEFNOTEDISEMBER2024.pdf>
- Jabatan Insolvensi Malaysia (2025). *Laporan kes muflis 2020–2025*. Putrajaya: Jabatan Insolvensi Malaysia.
- Jabatan Insolvensi Malaysia (2025). Statistik sehingga Jun 2025. <https://www.mdi.gov.my/wp-content/uploads/2025/07/BRIEF-NOTE-JUN-2025.pdf>
- Laman Rasmi Berita Harian Online (2019). 60 Peratus Muflis Adalah Golongan Muda-Bank Dunia. Dipetik pada 27 Februari 2022 dari: <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2019/12/637714/60-peratus-muflis-adalah-golongan-muda-bank-dunia>.
- Mohamad Ali, N. A., & Ab Wahab, S. A. (2024). Generasi FOMO dan YOLO. *APB Rembau e-Bulletin*.
- Mohd Sumairi, Z., Mohamed Shaarani, A. Z., & Habidin, N. F. (2025). Exploring factors influencing Islamic financial literacy and its implications for the financial well-being of Muslim Youth in Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 10(72), 1–19. Retrieved from <https://academicinspired.com/jised/article/view/2990>
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (5th ed.). SAGE Publications.
- OECD. (2022). *Financial literacy in the digital age: Challenges and solutions for youth engagement*. Organisation for Economic Co-operation and Development.
- Saleh, M. (2014). *Masjid sebagai lembaga Pendidikan Islam: suatu telaah fungsi masjid pada masa Islam Klasik* (Doctoral dissertation, IAIN Padangsidimpuan).
- Shahbuddin, Z. H. S., & Gunardi, S. (2023). Tinjauan Literatur Sistematis Terhadap Peranan Institusi Masjid di Malaysia: Systematic Literature Review (SLR) on The Role of Mosque Institutions in Malaysia. *Abqari Journal*, 29(1), 54–71. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol29no1.508>
- Syah, N. A. N. M., Sha'ari, H., Nasir, W. N. W. M., & Razaki, M. M. (2022). Faktor-faktor muflis dalam kalangan belia di Malaysia. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 3(1), 1-18.